

BAB 5

PENUTUP

5.1 RUMUSAN

Ringkasnya, dalam menyentuh topik kajian yang telah dibincangkan dalam disertasi ini, dapatlah dirumuskan bahawa masyarakat Melayu yang asalnya dari keturunan Polinesia dari Pulau Malagasy, Kepulauan Pasifik, Taiwan, Mikronesia dan Hawaii telah mengamalkan konsep ‘ilmu dalam peradaban Islām yang dapat dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan mereka. Secara jelasnya, terdapat beberapa ahli akademik dan sarjana Melayu Islām seperti Auni Abdullah, Prof. Dr. Azyumardi Azra, Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, Prof. Mohd. Taib Osman, Prof. Dr. Ismail Hamid dan lain-lain pernah memberikan pandangan dalam membincangkan topik ini di dalam penulisan mereka. Bagaimanapun, berlandaskan kepada beberapa masalah besar yang muncul dewasa ini di persekitaran masyarakat Melayu Islām, penulis berpandangan bahawa mereka telah kehilangan beberapa aspek tertentu dalam kehidupan seperti agama, sosial, budaya, ekonomi, pendidikan, politik dan pemerintahan. Ini telah diakui sendiri oleh beberapa orang tokoh akademik dan sarjana Melayu Islām seperti Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan, Prof. Dr. Hashim Hj. Musa, Dato’ Dr. Ismail Ibrahim, Dr. Amran Kasimin dan lain-lain lagi di dalam penulisan mereka.

Sehubungan itu, penulis telah menghuraikan apakah pengertian dan maksud sebenar konsep ‘ilmu dalam Islām bagi memberi kefahaman kepada masyarakat Melayu agar mereka sentiasa mementingkan ‘ilmu di dalam kehidupan seharian mereka untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan juga akhirat. Penulis telah menyelitkan beberapa

potongan terjemahan ayat-ayat suci al-Qur'an, terjemahan Ḥadīth Rasūl Allāh s.a.w. dan juga pandangan para 'ulamā' klasik Islām seperti Imām al-Ghazālī, 'Alī bin Abī Ṭālib r.a., 'Umar al-Khaṭṭāb r.a. dan al-Ahnāf bagi menguatkan hujah penulis dalam membicarakan topik kajian ini.

Tanggungjawab menuntut 'ilmu terletak di atas bahu semua masyarakat Melayu Islām tidak kira sama ada lelaki mahupun perempuan yang bermula daripada buaian hingga ke liang lahad. Mereka digalakkan menuntut 'ilmu secara formal seperti di sekolah, maktab, kolej dan universiti; dan juga secara informal seperti di rumah guru, surau, masjid dan sebagainya. 'Ilmu dari perspektif Islām adalah milik Allāh s.w.t. Kenyataan ini telah dipersetujui oleh para 'ulamā' dan ahli-ahli falsafah Islām yang silam seperti al-Kindī, al-Fārābī, ibnu Sinā, al-Ghazālī, ibnu Khaldūn dan ibnu Rusyd. Bagaimanapun mereka telah mengklasifikasikan 'ilmu kepada beberapa pengelasan menurut pertimbangan masing-masing yang diperolehi melalui naluri dan pengalaman; punca dan cara memperolehnya; sama ada sederhana atau kompleks; dan sebagainya.

Walaupun mereka begitu bijak dalam membuat pengklasifikasian 'ilmu, namun wahyu Allāh s.w.t. iaitu al-Qur'an dan Ḥadīth Rasūl Allāh adalah teras kepada segala 'ilmu dalam Islām yang dapat diklasifikasikan kepada 'ilmu *'aqīdah* dan 'ilmu *naqīdah*. Kedua-duanya adalah bersepada dalam Islām yang merangkumi 'ilmu duniā serta akhirat, dan ia berjalan serentak tanpa pertentangan antara kedua-duanya. Kesepadan antara kedua-duanya itu akan dapat menyelesaikan segala masalah yang berhubung dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu dan juga seluruh umat Islām. Justeru itu, kesepadan antara kedua-dua 'ilmu itu tidak akan mewujudkan sebarang pertentangan antara yang ḥaq mahupun yang bātil, dan ia akan menjamin kebahagiaan kehidupan

masyarakat Melayu Islām di duniā dan juga di akhirat. Kesepaduan ‘ilmu menurut wahyu adalah mencakupi pelbagai aspek seperti ‘ibādat, muā‘malāt, ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan, politik dan pentadbiran yang dapat diperolehi melalui beberapa sumber yang telah diakui dalam falsafah Islām. Antaranya deria, akal, intuisi, ilhām dan wahyu yang memainkan peranan yang begitu penting bagi membolehkan masyarakat Melayu Islām memperolehi ‘ilmu melaluinya.

Hasil daripada kajian ini, dapatlah dirumuskan juga bahawa sejarah kedatangan Islām telah menyebabkan munculnya pusat-pusat utama peradaban ‘ilmu Melayu Islām yang telah dikesan sejak abad ke-9 lagi. Bagaimanapun, kegembilangan ‘ilmu di setiap pusat utama peradaban Melayu Islām tidak kekal di satu-satu tempat sahaja, malah ia berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Semua pusat ini beriklim khatulistiwa dan pernah dijajah oleh kuasa-kuasa Barat seperti Portugis, British dan Belanda. Hanya kerajaan Patani Dār al-Salām sahaja yang tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa Barat.

Memandangkan duniā Melayu ini begitu luas kawasannya, maka penulisan ini hanya membatasinya kepada sebelas pusat utama peradaban ‘ilmu Melayu Islām sahaja. Ini adalah merujuk kepada keutamaannya dari segi kepentingan dan pengaruh yang dimainkan oleh pusat-pusat peradaban ini dalam membicarakan perkembangan ‘ilmu yang berteraskan Islām di ‘Ālam Melayu. Penulis merasakan adalah penting untuk mendedahkan kronologi sejarah perkembangan ‘ilmu pada zaman-zaman kegembilangan pusat-pusat peradaban tersebut kepada para pembaca khaṣnya dan masyarakat amnya. Ianya bermula di Perlak dan Samudera Pasai Dār al-Salām pada abad ke-9 hingga ke-15; dan pengaruhnya menjalar hingga ke Giri pada abad ke-14 dan ke-15; Demak pada

abad ke-15 dan ke-16; Banjarmasin pada abad ke-18 dan ke-19; Melaka dan Brunei Dār al-Salām pada abad ke-15 dan ke-16; Aceh Dār al-Salām pada abad ke-16 dan ke-17; Riau dan Patānī Dār al-Salām pada abad ke-18 dan ke-19; Terengganu Dār al-Imān dan Kelantan Dār al-Nā'īm pada abad ke-19 dan ke-20. Kedatangan Islām ke tempat-tempat tersebut telah menyebabkan pengaruh keilmuan berteraskan Islām menular hampir ke seluruh kepulauan Melayu hingga ke hari ini dari segenap aspek seperti sosial, ekonomi, pendidikan, bahasa dan kesusastraan Melayu, kesenian Melayu, politik dan perundangan.

Selain itu, peranan para sultān dan golongan rakyat jelata di ‘Ālam Melayu pada suatu ketika dahulu sememangnya harus diberi pujian kerana mereka amat berminat untuk mendalami ‘ilmu dan cintakan Islām. Kepulauan Melayu yang begitu terkenal sebagai pusat penyebaran ‘ilmu pada suatu ketika dahulu telah dikunjungi oleh ramai penuntut dan para ‘ulamā’ tempatan dan luar negara seperti ‘Arab, Parsī, Malabar dan sebagainya. Situasi kunjungan menuntut ‘ilmu ke dunia Melayu oleh para ‘ulamā’ silam telah diketahui dan dipelajari oleh masyarakatnya, terutama melalui buku-buku karangan mereka yang masih kekal sehingga hari ini dan masih menjadi rujukan kepada masyarakat Melayu Islām.

Walaupun pengaruh keilmuan itu telah berabad-abad lamanya menular ke dunia Melayu, namun berdasarkan kajian selidik yang dijalankan oleh penulis, dapatlah dirumuskan bahawa proses islamisasi ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu masih mempunyai beberapa masalah yang ketara dewasa ini yang patut diberi perhatian oleh setiap individu dan juga masyarakat. Antaranya ialah gejala sosiobudaya negatif yang dapat dikesan dari pengaruh dalaman maupun luaran; tiada kesepaduan antara ‘ilmu

sekular dan ‘ilmu agama; dan proses peredaran zaman yang menjadikan masyarakat Melayu begitu mementingkan kebendaan daripada mencintai ‘ilmu. Kesemua faktor itu memberikan impak yang kurang sihat dan boleh merosakkan fikiran masyarakat Melayu, seterusnya akan merosakkan keharmonian kehidupan mereka kelak.

Pada hari ini, hanya segelintir sahaja masyarakat Melayu yang semakin bijak dan berjaya menyesuaikan diri dan kehidupan mereka dengan prinsip-prinsip yang dianjurkan oleh Islām. Mereka berjaya memahami dan menghayati ‘ilmu yang telah diterapkan dalam beberapa situasi antaranya di institusi-institusi pendidikan seperti di sekolah, maktab, kolej dan universiti. Mereka juga dibantu oleh perpustakaan ‘awām dan swasta, kedai-kedai buku; media cetak dan elektronik dalam usaha untuk mendapatkan bahan-bahan ‘ilmiah yang bermutu tinggi. Selanjutnya, mereka juga mendapat sokongan dan kerjasama daripada sektor ‘awām dan swasta dalam proses mencari ‘ilmu. Situasi-situasi tersebut telah menggalakkan sikap positif dalam diri mereka untuk memahami, menghayati dan mempraktikkan nilai-nilai keilmuan seperti yang dianjurkan oleh Islām. Justeru itu, masyarakat Melayu dapat membentuk diri mereka agar menjadi insān yang berilmu, beriman, beramal dan bertaqwa kepada Allāh s.w.t.

Dalam menggalakkan penghayatan ‘ilmu secara berterusan di dalam masyarakat Melayu Islām, beberapa strategi perlu diketengahkan bagi mengekalkan tradisi ke‘ilmuan ini. Antaranya ialah peranan ibu bapa dalam mencorakkan pembesaran anak-anak mereka sejak dari kecil lagi; penglibatan serius daripada pihak kerajaan dan swasta di dalam menjalankan aktiviti-aktiviti motivasi dan keilmuan; peranan ilmuwan agama dan sekular yang sentiasa meluangkan masa bagi berinteraksi sesama mereka dan

sesama masyarakat dengan mengeluarkan idea-idea yang bernalas; pembangunan manusia secara berterusan dan bersepada yang merangkumi unsur teoritikal dan praktikal yang berdasarkan wahyu Allāh s.w.t. tanpa membezakan keturunan, pangkat atau harta; dan akhirnya amalan dakwah, mujāhadah, murāqabah, muhāsabah, doā' dan tawakkal begitu penting dalam menampilkan kehidupan masyarakat Melayu sebagai masyarakat terbaik melalui penghayatan nilai-nilai keilmuan yang bersendikan Islām.

Disertasi ini turut mengemukakan peranan dan sumbangan yang dimainkan oleh enam tokoh intelektual Melayu Islām kontemporari sebagai rumusan yang terakhir. Prof. Dr. Deliar Noer, Prof. Dr. Nurcholish Madjid, Prof. Dr. Azyumardi Azra, Prof. Dr. Syed Muḥammad Naquib al-Attas, Prof. Dr. Moḥd. Kamal Hassan dan Ustādh (Dr.) Muḥammad ‘Uthman El-Muḥammady merupakan antara tokoh-tokoh cendekiawan kontemporari Melayu Islām yang berkaliber dan terkemuka di rantau ini. Mereka begitu aktif dengan aktiviti-aktiviti keilmuan sama ada di peringkat tempatan maupun antarabangsa. Melalui ‘ilmu-‘ilmu, idea-idea dan pengalaman yang luas yang telah dicurahkan kepada masyarakat, mereka telah mengajak dan menggalakkan masyarakat Melayu agar menjalankan kehidupan menurut perspektif Islām dari aspek politik, sosial, ekonomi dan sebagainya.

5.2 SARANAN

Melalui kajian ini, penulis telah membuat penelitian secara sepintas lalu dan ternyata terdapat beberapa kelemahan dalam menjayakan proses islāmisasi ‘ilmu di ‘Ālam Melayu. Justeru itu, perhatian yang serius perlu diberikan dan diselesaikan secepat yang mungkin oleh setiap individu serta pihak-pihak yang tertentu. Antara kelemahan yang berjaya dikesan dalam proses islamisasi ‘ilmu di ‘Ālam Melayu adalah seperti yang tersenarai di bawah. Manakala sebagai langkah penyelesaian, diperturunkan juga beberapa cadangan yang positif untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

- (1) Dewasa ini, pengaruh persekitaran menjadi begitu kronik di dalam mempengaruhi golongan remaja Melayu Islām. Pengaruh Barat dan pengaruh rakan sebaya juga telah menjadikan mereka tidak berminat untuk mencari dan mencintai ‘ilmu. Mereka lebih seronok dengan duniā khayalan dan hidup ala kebaratan yang penuh dengan kepura-puraan. Sekiranya ia tidak dibendung, bala yang dahsyat dari Allāh s.w.t. sedang menunggu mereka.

Oleh itu, ibu bapa hendaklah mengambil berat atas setiap tingkah laku anak-anak mereka dengan memberikan kesedaran ‘ilmu yang secukupnya dan menjadikan Islām itu sebagai teras ‘aqīdah, ‘ibādah dan akhlāq dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ibu bapa janganlah terlalu sibuk untuk mengejar material dan keduniaan semata-mata, sedangkan kasih sayang dan kebajikan anak-anak mereka terabai begitu sahaja.

Manakala pihak kerajaan dan swasta hendaklah mengawal peranan yang dimainkan oleh media-media cetak dan elektronik agar tidak menyampaikan segala maklumat yang bertentangan dengan ajaran Islām seperti keseronokan ḥawa' nafsu, kehidupan materialistik dan kehidupan yang melampaui batasan. Jika kawalan ini dijalankan secara berterusan oleh semua pihak yang bertanggungjawab, maka ia sudah tentu dapat mengurangkan masalah ini di dunia Melayu Islām. Kawalan yang dilakukan itu mestilah bertujuan memberi pengajaran dan keinşafan kepada semua pihak media cetak dan elektronik agar media tersebut tidak menyampaikan segala maklumat yang tidak bermoral dan bertentangan dengan ajaran Islām di 'Ālam Melayu.

- (2) Terdapat di antara masyarakat Melayu yang percaya akan prinsip Islām tetapi masih degil untuk menghayatinya. Ini menjadikan mereka semakin leka dengan kehidupan di dunia dan akhirnya mereka tidak lagi mempunyai kesedaran agama. Ia wujud di kalangan golongan remaja dan juga golongan dewasa Melayu Islām. Implikasi dari penerangan di atas, menjuruskan mereka ke dalam kancang kehidupan sosial yang tidak sihat seperti menagih dadah, mencuri, merompak, berjudi, AIDS dan sebagainya.

Justeru itu, bagi menyedarkan mereka, kerajaan hendaklah menjalankan undang-undang menurut Islām dengan mengenakan hukuman yang munasabah atau setimpal kepada mereka yang tidak menghayati segala prinsip yang telah ditetapkan dalam ajaran Islām. Selain itu, pihak agensi kerajaan Melayu Islām seperti Jabatan Agama Islām, Bahagian Pendidikan Ḥäl-Eḥwal Islām dan seumpamanya hendaklah mendedahkan kepada mereka dengan program-program 'ilmiah yang berfaedah

seperti ceramah, seminar, pertandingan keilmuan, usaha penterjemahan, forum dan sebagainya menurut acuan Islām. Semoga dengan cara ini akan menjadikan mereka inṣaf dan masih mempunyai harapan untuk menjadi masyarakat Melayu Islām yang berjaya di masa hadapan.

- (3) Fenomena yang wujud pada hari ini ialah masih terdapat segelintir masyarakat Melayu Islām dari golongan remaja mahupun dewasa yang tidak mementingkan kesepadan antara ‘ilmu sekular dan ‘ilmu agama. Mereka tidak berpandukan kepada ajaran Islām yang sebenarnya dan hanya mengamalkan ‘ilmu yang mereka minati sahaja. Tidak hairanlah jika terdapat banyak kes penipuan, pecah amanah, rasuah, politik wang dan manipulasi jahat untuk kepentingan diri di kalangan orang bijak pandai pada hari ini (Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan, 1988, op cit: 63). Sepatutnya mereka menggunakan kedua-dua ‘ilmu tersebut bagi kesejahteraan hidup mereka di dunia dan juga di akhirat.

Bagi melahirkan minat mereka ke arah kesepadan ‘ilmu, mereka mestilah menanamkan minat cintakan ‘ilmu *fardū ‘aīn* dan juga ‘ilmu *fardū kifāyah*. Usaha ini dapat diperolehi dengan menghadiri majlis-majlis ‘ilmu yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun swasta seperti ceramah, forum perdana, berinteraksi dengan tokoh-tokoh ilmuwan, membaca dan sebagainya. Selain itu, kesedaran yang wujud dalam diri setiap individu Melayu Islām itu sendiri amat penting bagi mencapai kesepadan antara kedua-dua ilmu tersebut.

(4) Kekurangan tokoh ilmuwan yang berkaliber pada hari ini amat dirasakan di dunia Melayu Islām. Tokoh-tokoh ilmuwan yang diiktiraf pada hari ini mesti diberi tauliah oleh kerajaan terlebih dahulu dan bukannya terdiri daripada sukarelawan seperti zaman dahulu yang boleh mengajar di mana-mana sahaja. Justeru itu, ia telah menyebabkan masyarakat Melayu Islām tidak mendapat maklumat secara jelas dan tepat.

Penulis mengharapkan mana-mana pihak yang terlibat dalam proses mengharmonikan antara ‘ilmu agama dan sekular seperti Jabatan Agama Islām Negeri, Institusi Muftī, Jabatan Kemajuan Islām, Jabatan Penyiaran dan lain-lain lagi agar tidak menilai ‘ilmu seseorang itu berdasarkan tauliah sahaja. Mereka yang tidak diberi tauliah tetapi merupakan seorang cerdik pandai Islām seharusnya diberi peluang untuk menyampaikan ‘ilmu mereka tanpa dikenakan sebarang sekatan daripada tekanan dalam membina keunggulan ‘ilmu di rantau ini.

(5) Selain itu, sejak akhir-akhir ini pertumbuhan institusi pendidikan di ‘Ālam Melayu semakin bertambah. Malangnya yuran yang tinggi dikenakan kepada para pelajar oleh segelintir pusat pengajian, terutamanya institusi pendidikan swasta menjadikan masyarakat Melayu Islām kurang berminat untuk menimba ‘ilmu kerana tidak berkemampuan dari segi kewangan. Mereka lebih rela mengambil inisiatif untuk berhenti dari meneruskan pelajaran kerana masalah kewangan.

Perkara seumpama ini perlu dikaji semula oleh pihak yang terlibat seperti institusi pendidikan dan kerajaan demi kepentingan dan kecemerlangan bangsa Melayu Islām. Semoga dengan kerjasama pihak yang terbabit, ia dapat memberikan suatu

keputusan yang 'adil lagi saksama kepada pihak pelajar, ibu bapa dan institusi pendidikan itu sendiri.

Kepada golongan pelajar yang tidak bermampuan, pihak tertentu di dunia Melayu Islām seperti agensi kerajaan mahupun swasta perlulah menghulurkan bantuan sebagai dermasiswa, biasiswa atau pinjaman bagi membolehkan mereka mendapat peluang yang sama seperti golongan pelajar yang berkemampuan. Kerjasama daripada agensi kerajaan dengan menubuhkan dana atau tabung pendidikan untuk tujuan tersebut adalah wajar dan patut dipuji oleh masyarakat Melayu Islām. Selain itu, kerjasama daripada agensi swasta seperti bank-bank, pertubuhan-pertubuhan korporat dan banyak lagi dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh kerajaan, ibu bapa dan pelajar itu sendiri dalam menangani masalah kewangan.

- (6) Dewasa ini, persainganan antara 'ilmu sekular dan 'ilmu agama bukanlah suatu perkara yang baru di dunia Melayu Islām. Justeru, ketidakseimbangan yang wujud itu perlu diselesaikan dengan secepat yang mungkin oleh setiap individu itu sendiri dan semua pihak Melayu Islām yang bertanggungjawab.

Pihak institusi pendidikan hendaklah bijak mempelbagaikan cara pengajaran seperti bersoal-jawab, membaca, menonton, menggunakan VCD, CD-Rom, pita kaset, menghafal dan sebagainya sebagai satu cara untuk mengelak kejemuan para pelajar dalam proses menimba 'ilmu dan untuk mengekalkan sistem keilmuan yang lebih bermakna di rautau Melayu Islām. Justeru itu, mereka tidaklah lagi mempelajari 'ilmu yang berorientasikan peperiksaan dan untuk mendapatkan pekerjaan semata-

mata. Sebaliknya, mereka mengharap keredaan dan keberkatan daripada Allāh s.w.t.

Semua pihak perlulah bekerjasama memberi sumbangan bagi menubuhkan lebih banyak sekolah, universiti, kolej dan maktab yang berbentuk Melayu Islām. Dengan wujudnya institusi-institusi keislāman seperti itu, maka masalah saingan antara ‘ilmu sekular dan ‘ilmu agama dapat dikurangkan. Bagaimanapun institusi-institusi pendidikan Melayu Islām yang dibina hendaklah dibentuk secara sedar dan sistematis agar ia sesuai dengan proses peredaran zaman. Jika tidak, ia akan menjadi mangsa kepada proses tersebut. Dalam keadaan yang sesuai, semua institusi pendidikan Melayu Islām hendaklah mengadakan hubungan dengan keluarga para pelajar bagi menjanakan suatu pendidikan yang saling isi-mengisi dan saling faham-memahami. Dengan itu, keseimbangan antara kedua ‘ilmu tersebut dapat dicapai di ‘Ālam Melayu seandainya langkah-langkah tersebut diikuti dan difahami oleh semua pihak yang terlibat dalam proses keilmuan ini.

Penulis berharap semua saranan yang telah dikemukakan itu akan dapat membantu menjayakan islamisasi ‘ilmu di kalangan masyarakat Melayu Islām. Insyā’ Allāh.

5.3 KESIMPULAN

Setelah selesai kajian yang dilakukan, penulis meringkaskan dapatan utama yang signifikan daripadanya. Tidak dinafikan lagi bahawa ‘ilmu adalah wadah yang terpenting bagi membezakan manusia dengan hāiwān. Alasan negatif seperti tidak mempunyai peluang, masa dan sebagainya untuk membolehkan mereka memahami, menghayati dan mempraktikkan ‘ilmu tidak dapat diterima dari mata Islām. Apalah erti^{nya} kehidupan berlandaskan material, sifat berseronok dengan keindahan dunia, sedangkan keindahan di hari akhirat tidak diberi perhatian atau tidak terjaga. Ini kerana kelak mereka akan rugi dan menyesal. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa “sesal dahulu pendapatan dan sesal kemudian tiada gunanya”. Hanya dengan penumpuan kepada ‘ilmu sahaja yang dapat menjamin kebahagiaan dan kesempurnaan di dalam kedua-dua ‘ālam kehidupan mereka.

Selain itu, masyarakat Melayu mesti menyedari hanya ‘ilmu sahaja yang menghubungkan diri mereka agar mengenal penciptaNya, dirinya sendiri dan juga ‘ālam sekelilingnya. Perhubungan seperti ini akan berjaya menimbulkan kesedaran, keinsafan dan ketaqwaan dalam diri mereka sendiri dengan mengamalkan segala peraturan yang dibawa oleh Islām dalam bentuk larangan dan juga suruhan. Perhubungan seperti itu juga akan melahirkan masyarakat Melayu yang sentiasa mensyukuri nikmat kehidupan yang diberikan oleh Allāh s.w.t. Ini amatlah penting bagi mendapatkan keredaan Allāh s.w.t. dan menjamin kemaṣlaḥatan hidup mereka sama ada di dunia dan di akhirat.

Masyarakat Melayu Islām hendaklah meletakkan ‘ilmu di tempat paling tinggi dan mulia di dalam kehidupan mereka. Mereka hendaklah berjuang mempertahankan konsep ‘ilmu dalam Islām yang telah muncul sejak berabad-abad lamanya di rantau ini daripada dimusnahkan oleh pengaruh negatif dari dalam dan luar. Ahli falsafah Islām yang terkenal, ibnu Khaldūn (1969: 213-214) dalam kitābnya *al-Muqaddimah* pernah menegaskan:

Bangsa yang kuat tetapi tidak ditunjangi oleh budaya ‘ilmu yang baik, akan memeluk dan menganut nilai dan ciri tamadun lain yang ditaklukinya itu.

Masyarakat Melayu Islām haruslah mengambil pengajaran atas apa yang telah terjadi suatu ketika dahulu apabila hampir keseluruhan ‘Ālam Melayu dijajah oleh Barat yang ternyata banyak membawa unsur-unsur keganasan, sekularisme, modenisme, hedonisme dan sebagainya yang terangkum dalam pelbagai aspek kehidupan. Ternyata banyak kesan dan pengaruh yang dibawa oleh mereka langsung tidak menjurus kepada konsep ‘ilmu yang dianjurkan dalam Islām. Kesan-kesan dan pengaruh-pengaruh itu bukannya mudah untuk dilenyapkan, malahan ia menular hingga ke hari ini. Antara faktor berlakunya penjajahan ini ialah masyarakat Melayu tidak mempunyai ‘ilmu yang cukup untuk menangkisnya. Apabila Islām datang ke ‘Ālam Melayu, minda mereka berubah kepada pemikiran bercorak Islām. Justeru itu, mereka mula mengamalkan ‘ilmu berteraskan Islām di ‘Ālam Melayu.

Sehubungan dengan itu, adalah digesa kepada masyarakat Melayu agar memperkuatkan diri mereka dengan ‘ilmu seperti yang dianjurkan oleh Islām. Semoga mereka menjadi masyarakat yang lebih bertenaga dan maju dalam kehidupan seharian

iaitu maju dari perspektif fizikal dan juga spirituul dengan bersendikan ‘aqīdah, syarī‘ah dan akhlāq. Setiap individu Melayu Islām hendaklah menjadi contoh untuk diri sendiri dan masyarakat untuk menaikkan taraf dan wawasan Islām. Dengan adanya ‘ilmu, masyarakat Melayu Islām dapat membuktikan tujuan dan matlamat hidup mereka yang sebenarnya tidak kira walau di mana sekalipun mereka berada. Cita-cita sesuci itu akan mewujudkan kemakmuran hidup masyarakat Melayu Islām dan juga umat Islām sejagat.

Firman Allāh s.w.t. yang bermaksud:

Sesungguhnya Allāh tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum, sebelum mereka mengubah keadaan mereka sendiri (Terj., Sūrah al-Ra‘d: 11).

Sabda Rasūl Allāh s.a.w yang bermaksud:

Apabila mati seseorang anak Adam, putuslah amal perbuatannya selain daripada tiga perkara, iaitu ‘ilmu yang dimanfaatkan,... (Terj., Ḥadīth Riwāyat Muslim dari Abū Huraīrah)¹⁸⁸.

¹⁸⁸ Yang disebut dalam ḥadīth itu hanya satu perkara sahaja. Perkara yang kedua ialah sedekah jariah atau waqaf dan perkara yang ketiga ialah anak yang şoleh yang berdoa’ kepada kedua ibubapnya. Lihat (Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, t.t., op cit, jil. 1: 11).